



**TEKS UCAPAN  
TIMBALAN PENGARAH  
PUSAT PEMBANGUNAN HOLISTIK PELAJAR (PPHP)  
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN**

**SEMPENA MAJLIS PENUTUP PROGRAM  
"GILAPAN POTENSI LAHIRKAN BAKAT  
KOMUNIKASI"**

**SABTU  
7 JANUARI 2023  
3:00 PETANG-4:00 PETANG  
SK BUKIT TUNGGAL, KUALA TERENGGANU**

بسم الله الرحمن الرحيم.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Dan Salam Sejahtera.

Saudari pengacara majlis, Anis Aqila Binti Azizi

Guru Besar Sekolah Kebangsaan Bukit Tunggal, Puan Hajah Rosita Binti Ahmad  
Fasilitator Kokurikulum Debat Bahasa Melayu (A), Encik Mohd Shahrizal Bin  
Nasir

Guru Kaunseling Sekolah Kebangsaan Bukit Tunggal, Encik Mohd Faizal Bin  
Ibrahim

Saudara Ahmad Fiqri Bin Ahmad Yakoob, Pengarah Program "Gilapan Potensi,  
Lahirkan Bakat Komunikasi".

Barisan ahli jawatankuasa program,

Siswa Siswi Universiti Sultan Zainal Abidin selaku fasilitator program,  
Serta murid-murid yang dikasihi.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan serta para peserta sekalian,

1. Alhamdulillah segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kumia dan inayah-Nya jua, maka dapat kita bersamasama pada petang ini dalam Majlis Penutup Program "Gilapan Potensi, Lahirkan Bakat Komunikasi", anjuran Kokurikulum Debat Bahasa Melayu (A), UniSZA Kampus Gong Badak dengan kerjasama Pusat Pembangunan Holistik Pelajar (PPHP) UniSZA dan Sekolah Kebangsaan Bukit Tunggal.
2. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Sekolah Bukit Tunggal khususnya kepada Puan Guru Besar kerana sudi bekerjasama bagi menjayakan Program "Gilapan Potensi, Lahirkan Bakat Komunikasi" ini. Kerjasama yang baik ini amat-amat dihargai

bagi membuktikan hubungan baik antara UniSZA dengan komuniti setempat. Kami berharap agar dapat terus bekerjasama dengan pihak sekolah pada masa akan datang.

3. Selain itu, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Fasilitator Kokurikulum Debat Bahasa Melayu (A), Encik Mohd Shahrizal bin Nasir, semua ahli jawatankuasa dan para peserta yang terlibat dalam menjayakan Program "Gilapan Potensi, Lahirkan Bakat Komunikasi" ini. Pastinya kelancaran program ini adalah hasil kerjasama yang tinggi, semangat berpasukan dan komitmen padu yang diberikan oleh semua pihak yang terlibat. Saya berharap agar kesemua 38 orang mahasiswa dan mahasiswi UniSZA dapat menimba banyak ilmu dan pengalaman secara praktikal sepanjang usaha menganjurkan program ini. Setiap pengalaman yang dilalui perlu dijadikan nilai tambah dalam diri bagi melahirkan graduan universiti yang cemerlang secara holistik pada masa akan datang.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan serta para peserta sekalian,

4. Teras penting dalam Kokurikulum Debat Bahasa Melayu melibatkan kemahiran komunikasi dan ia sememangnya merupakan elemen yang penting dalam kehidupan manusia. Komunikasi melibatkan penyampaian idea dan perasaan kepada pihak lain. Tanpa komunikasi teknik yang betul, maklumat tidak dapat disampaikan daripada satu pihak kepada pihak yang lain. Proses komunikasi ini dapat berlaku pada bila-bila masa dan tidak dapat dielakkan oleh mana-mana individu. Justeru, program ini dijalankan tentunya bertujuan bagi membentuk keyakinan para peserta untuk berkomunikasi dengan baik dalam kehidupan seharian. Adalah diharapkan program ini dapat mencapai objektif pelaksanaannya bagi menerapkan nilai keyakinan dan keberanian dalam individu ketika berkomunikasi.

5. Usaha Kokurikulum Debat Bahasa Melayu (A) yang telah melaksanakan program ini dengan membawa tema komunikasi dan menerapkan nilai-nilai mumi dalam kalangan peserta amat bertepatan dengan keperluan individu dan ini perlu didedahkan sedari awal lagi iaitu di peringkat sekolah rendah. Selain itu, pengisian program yang melibatkan aktiviti dan pertandingan dapat menggilap bakat peserta untuk tampil lebih yakin ketika berkomunikasi terutamanya kalangan murid-murid sekolah yang bakal melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi selepas ini.
6. Akhir kalam, saya sekali lagi merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat khususnya pihak Guru Besar Sekolah Kebangsaan Bukit Tunggal, para guru, peserta dan tidak lupa juga terima kasih kepada semua ahli jawatankuasa program yang telah bersama-sama menjayakan program pada hari ini. Semoga setiap usaha yang digembleng bagi menjayakan program ini diberkati oleh Allah SWT dan dikira sebagai amalan soleh yang membawa hasanat buat semua.
7. Dengan lafaz yang mulia "Bismillahirrahmanirrahim", saya dengan rasminya menutup Program "Gilapan Potensi, Lahirkan Bakat Komunikasi". Saya akhiri ucapan dengan *Aqulu Qauli Haza Wa Astagfirullah Li Walakum. Wabillahit Taufik Wal Hidayah Wasalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

Terima kasih.